



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat KDYMM Sultan Kedah dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan berikut:-

| | |
|---------------------------------|--|
| JAWATAN | : PEMBANTU PENILAIAN |
| KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | : KEWANGAN |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN | : PELAKSANA |
| JADUAL GAJI | : GRED W1 : RM 1,500.00 - RM 4,680.00 |
| TARAF JAWATAN | : KONTRAK |
| KEKOSONGAN | : 2 |

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM 1,500.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya Oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM 1,561.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM 1,622.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) / SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA

i. SPM

Calon hendaklah memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau

Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata Pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

ii. SVM

Mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan Kelayakan SVM dalam bidang yang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

FUNGSI BIDANG TUGAS :

Menerima arahan dan menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran, menerima arahan tugas informasi harta tanah, menerima arahan dan menjalankan latihan dan penyelidikan, mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.